

B B295 DEB  
MAHATHIR - UMNO

ALOR SETAR, 12 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ORANG MELAYU TIDAK SEPATUTNYA MELUPAI JASA UMNO TAHUN 1946 WALAUPUN PARTI ITU KINI DIGANTI OLEH UMNO BARU.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN UMNO LAMA TELAH DIHARAMKAN NAMUN SEMANGATNYA TETAP WUJUD DI KALANGAN ORANG MELAYU.

ORANG MELAYU DAN SEMUA KAUM SEPATUTNYA MENGENANG KEMBALI TARIKH 11 MEI 1946 (TARIKH PENUBUHAN UMNO) KERANA IA MEMPUNYAI ERTI YANG BESAR KEPADA SEJARAH NEGARA, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS DI SINI SEBELUM BERLEPAS KE KUALA LUMPUR.

+KERANA UMNOLAH NEGARA MERDEKA DAN SETERUSNYA TERTUBUHNYA MALAYSIA,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA, ORANG MELAYU SEPATUTNYA BERASA SEDIH KERANA UMNO YANG DITUBUHKAN PADA TAHUN 1946 ITU TELAH MENJADI HARAM EKORAN PERISYTIHARAN MAHKAMAH TINGGI, AKIBAT TINDAKAN SESETENGAH ORANG YANG MAHU MEREBut KUASA DALAM PARTI ITU. -- LAGI

1212MST 12 05 88

B B296 DEB  
MAHATHIR - UMNO 2 ALOR SETAR

BELIAU MENGINGATKAN ORANG MELAYU SUPAYA MENGINSAFI BAHAWA NASIB UMNO YANG SEJAK TAHUN 1946 DITENTUKAN OLEH ANGGOTA PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASHAH PULANG KE SINI UNTUK MENGHADIRI JAMUAN BERBUKA PUASA DI MASJID KAMPUNG PULAU KETAM, JITRA PETANG SEMALAM.

BELIAU JUGA MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT UMNO BARU BAHAGIAN KUBANG PASU DI KEDIAMANNYA DI TITI GAJAH PETANG YANG SAMA. -- BERNAMA

1217MST 12 05 88